

Pembangunan Kerangka Pelaksanaan Program Pendidikan Alternatif bagi Murid Tahfiz Sepenuh Masa

(Development of the Implementation Framework of the Alternative Education Program for Full-Time Tahfiz Students)

Naimah Muhammad^{1*}, Mohd Nor Mamat², Fatin Nabilah binti Abdul Wahid³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: naimah.lembahilmu@gmail.com

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: mohdnoor@uitm.edu.my

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: afatinna@uitm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Naimah Muhammad
(naimah.lembahilmu@gmail.com)

KATA KUNCI:

Pendidikan Alternatif
Murid Tahfiz
Program Trek Pantas SPM
Pelaksanaan Program
Analisis Tematik Reflektif

KEYWORDS:

Alternative Education
Tahfiz Students
SPM Fast-Track Program
Program Implementation
Reflective Thematic Analysis

CITATION:

Naimah, M., Mohd Nor, M., & Fatin Nabilah, A. W. (2026). Pembangunan Kerangka Pelaksanaan Program Pendidikan Alternatif bagi Murid Tahfiz Sepenuh Masa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(9), e004196.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i9.4196>

Murid tahfiz sepenuh masa yang mengikuti laluan pendidikan di luar sistem persekolahan arus perdana memerlukan akses kepada kelayakan akademik formal bagi memperluas peluang pendidikan dan hala tuju selepas tamat pengajian tahfiz. Program Trek Pantas SPM merupakan salah satu bentuk pendidikan alternatif yang menyediakan laluan kepada murid tahfiz untuk memperoleh kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam tempoh pembelajaran yang lebih singkat. Kajian ini bertujuan meneroka pelaksanaan Program Pendidikan Alternatif bagi murid tahfiz sepenuh masa berdasarkan pengalaman pelaksanaan Program Trek Pantas SPM di Malaysia. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif generik dengan melibatkan lima informan utama yang dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan pengalaman dan penglibatan mereka dalam pelaksanaan program. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur dan dianalisis menggunakan Analisis Tematik Reflektif. Analisis menghasilkan lima domain utama, iaitu Keperluan Program, Reka Bentuk Program, Kapasiti Pelaksanaan, Tadbir Urus Kolaboratif dan Kelestarian Program. Dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan pendidikan alternatif bagi murid tahfiz bukan sekadar memerlukan penyediaan akses kepada kelayakan SPM, tetapi turut melibatkan penyesuaian reka bentuk pembelajaran, kapasiti tenaga pengajar dan sumber, penyelarasan pelbagai pemegang taruh serta mekanisme yang menyokong kesinambungan program. Kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Program Pendidikan

Alternatif perlu dirancang secara responsif terhadap konteks dan keperluan murid tahfiz serta disokong oleh kapasiti institusi dan ekosistem pelaksanaan yang bersesuaian. Dapatan kajian dapat menjadi asas kepada usaha memperkukuh penyediaan laluan pendidikan alternatif yang lebih tersusun, inklusif dan berdaya tahan bagi murid tahfiz sepenuh masa.

ABSTRACT

Full-time tahfiz (Quran memorization) students who pursue education outside the mainstream schooling system require access to formal academic qualifications to expand their educational opportunities and career pathways upon completing their studies. The SPM Fast-Track Program is a form of alternative education that provides a pathway for tahfiz students to obtain the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) qualification within a shorter learning duration. This study aims to explore the implementation of the Alternative Education Program for full-time tahfiz students based on the implementation experiences of the SPM Fast-Track Program in Malaysia. The study employed a generic qualitative approach involving five key informants selected through purposive sampling based on their experience and involvement in the program's execution. Data were gathered through semi-structured interviews and analyzed using Reflective Thematic Analysis. The analysis yielded five main domains: Program Needs, Program Design, Implementation Capacity, Collaborative Governance, and Program Sustainability. The findings indicate that implementing alternative education for tahfiz students requires more than just providing access to the SPM qualification; it also involves adapting learning design, instructor and resource capacity, multi-stakeholder coordination, and mechanisms that support program continuity. This study demonstrates that the execution of the Alternative Education Program must be planned responsively to the context and needs of tahfiz students, while being supported by institutional capacity and an appropriate implementation ecosystem. The findings of this study can serve as a foundation for efforts to strengthen the provision of a more structured, inclusive, and resilient alternative education pathway for full-time tahfiz students.

1. Pengenalan

Pendidikan yang inklusif menuntut penyediaan peluang pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan individu daripada pelbagai latar belakang dan laluan pendidikan. Agenda Pendidikan 2030 menekankan kepentingan akses yang saksama kepada pendidikan berkualiti serta peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua (UNESCO, 2015). Namun demikian, sebahagian murid mengikuti laluan pendidikan di luar sistem persekolahan arus perdana dan memerlukan pendekatan yang lebih fleksibel untuk memperoleh kelayakan akademik formal. Dalam konteks ini, pendidikan alternatif menyediakan laluan yang dapat disesuaikan dengan keperluan kumpulan murid yang tidak sepenuhnya dapat dipenuhi melalui struktur pendidikan konvensional.

Di Malaysia, perkembangan pendidikan tahfiz memperlihatkan kepelbagaian institusi, kurikulum dan pendekatan pendidikan. Sebahagian institusi tahfiz memberikan tumpuan utama kepada hafazan dan pengajian al-Quran, sementara penyediaan pendidikan akademik berbeza mengikut institusi. Kepelbagaian tersebut menimbulkan cabaran kepada sebahagian murid tahfiz sepenuh masa yang ingin memperoleh kelayakan akademik formal bagi meneruskan pengajian dan memperluas laluan pendidikan selepas tamat pengajian tahfiz. Usaha memperkasa pendidikan tahfiz melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara turut mencerminkan keperluan terhadap penyelarasan dan pengukuhan ekosistem pendidikan tahfiz di Malaysia (JAKIM, 2021).

Dalam konteks tersebut, Program Trek Pantas SPM merupakan salah satu bentuk Program Pendidikan Alternatif yang menyediakan laluan kepada murid tahfiz sepenuh masa untuk memperoleh kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam tempoh pembelajaran yang lebih singkat. Pelaksanaannya memerlukan penyesuaian terhadap latar belakang murid, tempoh pembelajaran, penyampaian kurikulum serta sokongan daripada institusi dan pemegang taruh berkaitan. Oleh itu, pelaksanaan program sedemikian bukan sekadar persoalan menyediakan akses kepada peperiksaan, tetapi melibatkan keupayaan menterjemahkan peluang pendidikan alternatif kepada suatu pelaksanaan yang sesuai dengan konteks dan keperluan kumpulan sasaran.

Walaupun pendidikan tahfiz dan usaha mengintegrasikan pendidikan akademik semakin mendapat perhatian, pengetahuan mengenai bagaimana Program Pendidikan Alternatif bagi murid tahfiz sepenuh masa dilaksanakan secara menyeluruh masih belum mencukupi. Tumpuan terhadap akses atau hasil pendidikan sahaja belum menjelaskan komponen pelaksanaan yang diperlukan untuk menghubungkan keperluan murid, reka bentuk program, kapasiti institusi, tadbir urus dan kesinambungan program. Jurang ini penting kerana pelaksanaan sesuatu program pendidikan bukan hanya ditentukan oleh reka bentuk intervensi, tetapi turut dipengaruhi oleh konteks, kapasiti pelaksana dan proses pelaksanaannya (Durlak & DuPre, 2008).

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan membangunkan Kerangka Pelaksanaan Program Pendidikan Alternatif bagi Murid Tahfiz Sepenuh Masa berdasarkan pengalaman pelaksanaan Program Trek Pantas SPM di Malaysia. Dengan memberikan tumpuan kepada pengalaman dan perspektif pemegang taruh yang terlibat secara langsung dalam program, kajian ini berusaha menjelaskan komponen utama yang membentuk pelaksanaannya dan seterusnya menyumbang kepada pemahaman yang lebih sistematik mengenai pelaksanaan pendidikan alternatif dalam konteks pendidikan tahfiz.

2. Sorotan Literatur

2.1 Pendidikan Alternatif sebagai Laluan Pendidikan

Pendidikan alternatif menyediakan laluan pembelajaran kepada individu yang keperluan pendidikannya tidak sepenuhnya dapat dipenuhi melalui struktur persekolahan arus perdana. Konsep ini merangkumi pelbagai bentuk penyediaan pendidikan yang berbeza dari segi organisasi, kurikulum, pedagogi dan kumpulan sasaran. Walaupun bentuknya berbeza mengikut konteks, pendidikan alternatif lazimnya dikaitkan dengan usaha memperluas akses, meningkatkan keterangkuman serta menyediakan laluan pendidikan yang lebih responsif terhadap keperluan peserta didik (UNESCO, 2015).

Fleksibiliti merupakan antara ciri penting pendidikan alternatif. Fleksibiliti tidak semestinya bermaksud pengurangan standard pendidikan, sebaliknya melibatkan penyesuaian struktur pembelajaran, tempoh, kaedah penyampaian dan bentuk sokongan berdasarkan latar belakang serta keperluan kumpulan sasaran. Pendekatan sedemikian penting khususnya bagi peserta didik yang mempunyai pengalaman pendidikan yang berbeza daripada murid dalam sistem persekolahan konvensional. Justeru, pendidikan alternatif boleh berfungsi sebagai laluan yang menghubungkan kelompok tertentu dengan peluang memperoleh kelayakan formal, meneruskan pendidikan dan memperluas pilihan masa hadapan.

Walau bagaimanapun, penyediaan laluan alternatif sahaja tidak menjamin keberhasilan sesuatu program. Literatur pelaksanaan menunjukkan bahawa hasil sesuatu intervensi turut dipengaruhi oleh kualiti pelaksanaan, kesesuaian dengan konteks, kapasiti organisasi, sumber serta sokongan pihak yang terlibat (Durlak & DuPre, 2008). Oleh itu, penelitian terhadap pendidikan alternatif perlu melangkaui persoalan tentang kewujudan atau keberkesanan program semata-mata dengan turut memberikan perhatian kepada bagaimana program tersebut diterjemahkan kepada amalan dalam konteks sebenar pelaksanaan.

2.2 Pendidikan Alternatif dalam Konteks Pendidikan Tahfiz

Pendidikan tahfiz di Malaysia berkembang melalui pelbagai bentuk institusi dan pendekatan pengajian yang merangkumi institusi kerajaan dan swasta. Perkembangan pendidikan tahfiz juga memperlihatkan keperluan untuk menyediakan hala tuju pendidikan yang lebih luas kepada lepasan tahfiz. Saleh et al., (2025) menjelaskan bahawa pendidikan tahfiz tidak lagi terbatas kepada hafazan al-Quran semata-mata, sebaliknya turut merangkumi pembangunan ilmu, kemahiran dan kebolehpasaran. Kajian tersebut turut menekankan kepentingan sokongan kerajaan, institusi pendidikan dan masyarakat dalam menyediakan hala tuju akademik dan profesional yang lebih jelas kepada lepasan tahfiz.

Keperluan terhadap laluan akademik menjadi lebih signifikan bagi murid yang mengikuti pengajian tahfiz sepenuh masa tetapi tidak mengikuti keseluruhan struktur pendidikan akademik arus perdana. Antara isu yang dikenal pasti ialah kekurangan perancangan hala tuju selepas tamat hafazan serta kurangnya pengetahuan mengenai peluang pendidikan lanjutan, yang berpotensi menyebabkan keciciran pendidikan dan menjejaskan potensi generasi huffaz (Saleh et al., 2025). Dalam konteks ini, penyediaan laluan untuk memperoleh kelayakan akademik formal menjadi penting bagi membolehkan lepasan tahfiz meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Salah satu pendekatan yang berkembang bagi memenuhi keperluan tersebut ialah Program Trek Pantas SPM. Kajian awal oleh Abd Rahim (2017) menerusi Program Fast-Track SPM YAPIS-UNISEL menunjukkan bahawa program yang dilaksanakan dalam tempoh intensif selama kira-kira 10 bulan dapat menyediakan laluan kepada pelajar tahfiz untuk memperoleh kelayakan SPM. Kajian tersebut turut melaporkan pencapaian akademik yang memberangsangkan dalam kalangan peserta program dan menunjukkan bahawa latar belakang pendidikan tahfiz tidak semestinya menjadi penghalang kepada pencapaian akademik apabila murid diberikan struktur pembelajaran dan sokongan yang bersesuaian (Abd Rahim, 2017).

Perkembangan Program Trek Pantas SPM kemudiannya semakin meluas. Saleh et al., (2025) menjelaskan bahawa agensi pendidikan swasta memainkan peranan dalam menawarkan pengajian Trek Pantas SPM kepada lepasan tahfiz al-Quran bagi membolehkan mereka melengkapkan kelayakan akademik dalam tempoh yang lebih singkat tanpa perlu melalui keseluruhan sistem pendidikan arus perdana. Laluan tersebut seterusnya membuka peluang kepada lepasan tahfiz untuk meneruskan pengajian dalam pelbagai disiplin termasuk agama, sains, kejuruteraan, perubatan dan teknologi. Kajian tersebut mengenal pasti 35 institusi swasta di Malaysia yang menawarkan Program Trek Pantas SPM kepada lepasan tahfiz al-Quran (Saleh et al., 2025).

Pada masa yang sama, usaha menyediakan laluan akademik kepada murid tahfiz turut mendapat perhatian kerajaan melalui Program Intervensi Murid Sekolah Tahfiz Swasta oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini menyediakan sokongan kepada murid tahfiz swasta untuk mengikuti pembelajaran akademik dan seterusnya menduduki peperiksaan SPM. Pelaksanaannya melalui beberapa model menunjukkan usaha yang lebih tersusun untuk menghubungkan pendidikan tahfiz dengan kelayakan akademik formal (KPM, 2025).

Perkembangan Program Trek Pantas SPM dan Program Intervensi Murid Sekolah Tahfiz Swasta menunjukkan bahawa penyediaan laluan akademik kepada murid tahfiz telah berkembang daripada inisiatif tertentu kepada suatu bentuk intervensi pendidikan yang melibatkan pelbagai penyedia dan pemegang taruh. Pelaksanaannya bukan sahaja memerlukan penyesuaian terhadap tempoh dan kandungan pembelajaran, tetapi turut melibatkan tenaga pengajar, pengurusan institusi, sokongan pembelajaran serta penyelarasan dengan agensi berkaitan. Hal ini selari dengan pandangan Durlak dan DuPre, (2008) bahawa keberhasilan sesuatu program bukan hanya ditentukan oleh reka bentuk intervensi, tetapi turut dipengaruhi oleh konteks, kapasiti pelaksana, sumber dan sokongan sistem.

Dengan demikian, Program Pendidikan Alternatif bagi murid tahfiz sepenuh masa wajar difahami bukan sekadar sebagai mekanisme untuk membolehkan murid menduduki peperiksaan SPM, tetapi sebagai suatu bentuk intervensi pendidikan yang menghubungkan pendidikan tahfiz dengan laluan kelayakan akademik formal. Pemahaman terhadap aspek pelaksanaannya penting bagi memastikan peluasan akses pendidikan turut disokong oleh struktur program, kapasiti institusi dan ekosistem pelaksanaan yang bersesuaian.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif generik bagi meneroka pengalaman dan perspektif pemegang taruh yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Program Trek Pantas SPM bagi murid tahfiz sepenuh masa. Pendekatan ini dipilih kerana membolehkan penyelidik memahami sesuatu fenomena berdasarkan pengalaman peserta tanpa terikat kepada tradisi metodologi kualitatif tertentu seperti fenomenologi, etnografi atau *grounded theory* (Kahlke, 2014). Seramai lima orang informan utama dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan penglibatan, pengalaman dan pengetahuan mereka dalam pelaksanaan program. Informan mewakili pihak agensi kerajaan, penyelarasan program, pengasas dan pengendali institusi serta pihak yang terlibat dalam pengurusan Program Trek Pantas SPM.

Data utama dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur yang membolehkan penyelidik meneroka pengalaman informan secara mendalam sambil mengekalkan fokus kepada persoalan kajian. Temu bual dirakam dengan persetujuan informan dan ditranskripsikan secara verbatim bagi mengekalkan konteks serta makna asal data. Dokumen berkaitan pelaksanaan program turut digunakan sebagai sumber sokongan untuk memperkayakan pemahaman terhadap konteks pelaksanaan. Penggunaan temu bual separa berstruktur sesuai bagi kajian yang memerlukan keseimbangan antara fokus penyelidikan dengan fleksibiliti untuk meneroka pengalaman dan pandangan peserta secara lebih mendalam (Kallio et al., 2016).

Data dianalisis menggunakan Analisis Tematik Reflektif (*Reflexive Thematic Analysis*, RTA) berdasarkan pendekatan Braun dan Clarke (2006, 2021). Analisis dilaksanakan secara literatif melalui pembiasaan dengan data, penjanaan kod awal, pembangunan dan semakan tema serta pemurnian dan penamaan tema. Dalam proses analisis kajian ini, kod awal dimurnikan kepada kod konseptual sebelum kod-kod yang mempunyai kesamaan makna dan pola hubungan dikelompokkan kepada kategori awal. Kategori tersebut kemudiannya diteliti dan disintesis bagi membentuk domain yang menerangkan pelaksanaan program. Selaras dengan RTA, proses analisis tidak dianggap sebagai proses mekanikal untuk menemui tema yang telah tersedia dalam data, sebaliknya melibatkan penglibatan reflektif penyelidik dalam mentafsir pola makna yang relevan dengan persoalan kajian (Braun & Clarke, 2021).

Ketelitian kajian diperkukuh melalui proses analisis yang sistematik dan reflektif, termasuk pembacaan transkrip secara berulang, semakan hubungan antara petikan data, kod, kategori dan interpretasi yang dibangunkan serta penggunaan petikan verbatim untuk mengekalkan hubungan antara interpretasi penyelidik dengan data asal. Dokumentasi proses analisis turut dikekalkan sebagai audit trail bagi meningkatkan ketelusan keputusan analitik. Pendekatan ini selaras dengan penekanan terhadap amalan refleksif, ketelusan proses analisis dan koheren antara andaian metodologi dengan pelaksanaan RTA (Braun & Clarke, 2021).

4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis tematik reflektif menghasilkan 21 kod konseptual yang kemudiannya dikelompokkan kepada tujuh kategori awal berdasarkan persamaan makna dan pola yang dikenal pasti dalam data. Analisis secara iteratif terhadap kategori tersebut seterusnya menghasilkan lima domain utama, iaitu Keperluan Program, Reka Bentuk Program, Kapasiti Pelaksanaan, Tadbir Urus Kolaboratif dan Kelestarian Program. Pembentukan domain tidak dilakukan secara mekanikal, sebaliknya melalui interpretasi reflektif terhadap pengalaman informan dan konteks pelaksanaan Program Trek Pantas SPM. Proses ini selaras dengan pendekatan Analisis Tematik Reflektif yang menekankan penglibatan aktif penyelidik dalam membangunkan pola makna daripada data (Braun & Clarke, 2021).

Jadual 1 menunjukkan proses pengelompokan 21 kod konseptual kepada tujuh kategori awal sebelum disintesis kepada lima domain utama, iaitu Keperluan Program, Reka Bentuk Program, Kapasiti Pelaksanaan, Tadbir Urus Kolaboratif dan Kelestarian Program. Pengelompokan ini memperlihatkan bahawa setiap domain dibentuk daripada beberapa pola makna yang saling berkaitan, merangkumi aspek akses kepada kelayakan SPM, penyampaian pedagogi, pengurusan modal insan, sumber kewangan, tadbir urus, operasi institusi dan kerjasama pemegang taruh. Struktur analisis ini seterusnya menjadi asas

kepada penghuraian dapatan dan perbincangan bagi setiap domain dalam bahagian berikutnya.

Jadual 1: Pengelompokan Kod Konseptual, Kategori Awal dan Domain Utama

Domain Utama	Kategori Awal	Kod Konseptual
Keperluan Program	Akses dan Orientasi Kelayakan SPM	Orientasi Persijilan Asas; Pragmatisme Kelayakan Minimal; Penyediaan Laluan Ekuiti; Inklusiviti Sasaran Kumpulan Pemampatan Kurikulum Masa;
Reka Bentuk Program	Penyampaian Pedagogi dan Sokongan Pembelajaran	Pengayaan Pengalaman Pembelajaran; Pembimbingan Rakan Sebaya
Kapasiti Pelaksanaan	Pengurusan Modal Insan dan Penjaminan Kualiti	Pengiktirafan Kepakaran Pendidik; Penjaminan Kualiti Akademik; Penandaaras Kualiti Kemasukan
Tadbir Urus Kolaboratif	Pengurusan dan Mobilisasi Sumber Kewangan	Kerentanan Kelestarian Kewangan; Kepelbagaian Sumber Pembiayaan
	Tadbir Urus dan Pengawasan Dasar	Keabsahan Tadbir Urus; Akuntabiliti Prosedur Penjagaan; Kelemahan Pengawasan Berpusat
Kelestarian Program	Pengurusan Operasi dan Pengiktirafan Sistem	Kekangan Infrastruktur Peperiksaan; Autonomi Operasi Institusi; Pinggiran Pengiktirafan Holistik
	Kematangan Murid dan Kerjasama Pemegang Taruh	Kematangan Kesedaran Kendiri; Jaringan Strategik Komuniti; Advokasi Kolektif Pengendali

4.1 Keperluan Program

Dapatan menunjukkan bahawa Program Trek Pantas SPM diwujudkan sebagai respons terhadap keperluan menyediakan laluan akademik kepada murid tahfiz sepenuh masa yang tidak mengikuti pendidikan akademik arus perdana. Orientasi program bukan semata-mata untuk mencapai kecemerlangan akademik, tetapi bagi memastikan murid memperoleh kelayakan asas SPM yang membolehkan mereka meneruskan pendidikan dan memperluas pilihan masa hadapan. Informan 1 (IP) menjelaskan:

"...kami nak buat satu program yang pelajar ni boleh memiliki SPM. Kami tidak mengejar kecemerlangan. Kami mengejar pelajar mampu memiliki sijil SPM dalam tempoh singkat..."(IP1)

Keperluan tersebut turut berpunca daripada jurang akademik yang dihadapi oleh sebahagian murid selepas menamatkan pendidikan tahfiz atau pondok. Informan 3 menyatakan:

"...apabila mereka selesai dengan program tahfiz ataupun pondok dia tadi mereka ada ketinggalan dari sudut akademik. Jadi, kami merasakan kami terpanggil untuk mewujudkan program ini..."(IP3)

Dapatan ini menunjukkan bahawa kelayakan SPM berfungsi sebagai jambatan kepada kesinambungan pendidikan, bukan semata-mata sebagai pencapaian peperiksaan. Hal ini selari dengan Saleh et al. (2025) yang menjelaskan bahawa Program Trek Pantas SPM menyediakan peluang kepada lepasan tahfiz untuk melengkapkan kelayakan akademik

dalam tempoh yang lebih singkat dan seterusnya meneruskan pengajian dalam pelbagai bidang. Kajian tersebut turut mengenal pasti 35 institusi swasta yang menawarkan Program Trek Pantas SPM kepada lepasan tahfiz, sekali gus menunjukkan bahawa keperluan terhadap laluan akademik ini telah berkembang dalam ekosistem pendidikan tahfiz di Malaysia (Saleh et al., 2025).

Keperluan program juga perlu dilihat berdasarkan karakteristik dan kemampuan kumpulan sasaran. Dalam konteks Program Trek Pantas SPM, Naseri dan Idris (2025) menunjukkan bahawa data profil demografi dan kesediaan kewangan ibu bapa atau penjaga penting dalam menyediakan asas empirikal bagi merancang intervensi yang lebih responsif, termasuk bantuan kewangan bersasar, subsidi dan mekanisme pembayaran yang fleksibel. Kajian tersebut turut mendapati bahawa sebahagian besar responden memerlukan bantuan kewangan dan terdapat keperluan untuk memperkukuh akses kepada bentuk sokongan yang bersesuaian.

Justeru, Keperluan Program bukan sahaja merujuk kepada keperluan menyediakan akses kepada kelayakan SPM, tetapi turut melibatkan pengenalan profil, keperluan dan bentuk sokongan yang diperlukan oleh kumpulan sasaran. Pemahaman terhadap aspek ini menjadi asas kepada pelaksanaan Program Pendidikan Alternatif yang lebih responsif terhadap realiti murid tahfiz sepenuh masa.

4.2 Reka Bentuk Program

Dapatan menunjukkan bahawa reka bentuk Program Trek Pantas SPM disesuaikan dengan tempoh pembelajaran yang singkat dan latar belakang pendidikan murid tahfiz. Pemampatan tempoh pembelajaran memerlukan kandungan akademik disampaikan secara lebih terancang dan berfokus. Informan 1 menjelaskan:

"...pelajar ni hanya akan bertemu selama 35 minggu sahaja dengan keadaan satu minggu pertemuan dua jam. So, 70 jam saja setiap mata pelajaran dia berjumpa..."(IP1)

Selain penyusunan pembelajaran akademik yang intensif, program turut menyediakan sokongan pembelajaran bagi membantu murid menyesuaikan diri dengan tuntutan akademik tanpa mengabaikan pengajian tahfiz. Antaranya ialah bengkel teknik menjawab, program pengayaan dan motivasi serta bimbingan rakan sebaya. Informan 3 menerangkan pelaksanaan sistem tasmik yang melibatkan murid yang telah menyelesaikan hafazan sebagai pembimbing:

"...kita buat kelas tasmik setiap hari... kita pecahkan pelajar kepada grup... grup kecil ada naqib. Naqib tu adalah pelajar kami yang telah menghafal 30 juzuk..."(IP3)

Dapatan ini menunjukkan bahawa reka bentuk Program Pendidikan Alternatif bukan sekadar memendekkan tempoh pembelajaran, tetapi melibatkan penyesuaian pedagogi dan penyediaan sokongan pembelajaran berdasarkan keperluan kumpulan sasaran. Keperluan terhadap reka bentuk yang responsif menjadi lebih penting apabila murid perlu menguasai kandungan akademik dalam tempoh yang lebih singkat sambil mengekalkan komitmen terhadap pendidikan tahfiz. Dalam konteks pelaksanaan program, kesesuaian sesuatu intervensi dengan keperluan peserta dan konteks

organisasi merupakan antara faktor yang mempengaruhi kualiti pelaksanaannya (Durlak & DuPre, 2008).

Dapatan ini juga melengkapi penemuan Azrin (2017) bahawa pelajar tahfiz berupaya mengikuti laluan Fast-Track SPM apabila diberikan struktur pembelajaran yang bersesuaian. Dalam konteks kajian ini, penyesuaian tersebut bukan sahaja melibatkan tempoh pembelajaran yang dipadatkan, tetapi turut merangkumi strategi sokongan akademik dan mekanisme yang membolehkan pembelajaran akademik serta hafazan diteruskan secara seiring. Justeru, Reka Bentuk Program menekankan keperluan terhadap struktur pembelajaran yang fleksibel, berfokus dan responsif terhadap karakteristik murid tahfiz sepenuh masa.

4.3 Kapasiti Pelaksanaan

Dapatan menunjukkan bahawa keberkesanan pelaksanaan Program Trek Pantas SPM bergantung pada keupayaan institusi menyediakan tenaga pengajar yang kompeten, mekanisme penjaminan kualiti dan sumber kewangan yang mencukupi. Keperluan terhadap tenaga pengajar yang berpengalaman menjadi lebih penting apabila kandungan akademik perlu disampaikan dalam tempoh pembelajaran yang dipadatkan. Informan 1 menjelaskan:

"...guru yang kita dah letakkan dalam kelulusan kerajaan negeri adalah guru pakar... Sejam RM150..."(IP1)

Selain kepakaran tenaga pengajar, institusi turut melaksanakan pemantauan bagi memastikan kualiti pengajaran dikekalkan. Informan 5 menjelaskan:

"...pencerapan guru kita memang buat dua kali setahun... pencerapan tu kita panggil penasihat sekolah yang jadi pensyarah di universiti..."(IP5)

Dapatan ini menunjukkan bahawa fleksibiliti Program Pendidikan Alternatif tidak bermaksud pengurangan terhadap keperluan kualiti. Sebaliknya, tempoh pembelajaran yang singkat meningkatkan kepentingan pemilihan tenaga pengajar yang sesuai serta pemantauan terhadap proses pengajaran. Hal ini selari dengan Durlak dan DuPre (2008) yang menegaskan bahawa kapasiti organisasi, sumber serta karakteristik penyedia merupakan antara faktor yang mempengaruhi kualiti pelaksanaan sesuatu program.

Kapasiti pelaksanaan turut berkait rapat dengan kemampuan institusi membiayai program. Penggunaan tenaga pengajar berpengalaman, penyediaan program sokongan serta pengurusan operasi memerlukan sumber kewangan yang berterusan. Cabaran tersebut dijelaskan oleh Informan 3:

"...cabaran yang paling penting... menggunakan kos yang sangat tinggi. Buat masa ni kos kami lebih kepada kami... kos sendirilah..."(IP3)

Isu pembiayaan ini turut disokong oleh Naseri dan Idris (2025) yang mendapati bahawa 117 daripada 139 ibu bapa atau penjaga menyatakan keperluan terhadap bantuan kewangan bagi menyokong penyertaan anak dalam Program Trek Pantas SPM. Pada masa yang sama, tahap kesedaran terhadap peluang penajaan masih tidak menyeluruh, apabila

72 responden dilaporkan tidak mengetahui tentang peluang penajaan yang tersedia. Penulis mencadangkan mekanisme seperti bantuan kewangan bersasar, subsidi, pembayaran fleksibel serta penyampaian maklumat penajaan yang lebih berkesan bagi menyokong kesinambungan penyertaan murid.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa kapasiti kewangan mempunyai implikasi pada dua peringkat yang saling berkaitan, iaitu kemampuan institusi menyediakan program yang berkualiti dan kemampuan keluarga mengekalkan penyertaan murid. Justeru, Kapasiti Pelaksanaan merangkumi bukan sahaja kecukupan sumber manusia dan penjaminan kualiti, tetapi juga keupayaan memobilisasi sumber kewangan yang membolehkan program dilaksanakan secara konsisten.

4.4 Tadbir Urus Kolaboratif

Dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan Program Pendidikan Alternatif bagi murid tahfiz memerlukan tadbir urus yang melibatkan penyelarasan dan kerjasama antara pelbagai pemegang taruh. Pelaksanaan program tidak hanya bergantung kepada institusi pelaksana, tetapi turut melibatkan agensi kerajaan, pihak berkuasa agama, pengendali program, ibu bapa dan pihak lain yang mempunyai peranan dalam ekosistem pendidikan tahfiz. Kepentingan punca kuasa dalam pelaksanaan sesuatu intervensi dijelaskan oleh Informan 2:

"...sebab kami ada intervensi... itu ada punca kuasanya kenapa kita nak angkat modul ni sebab kita akan melibatkan beberapa bahagian lain..."(IP2)

Dapatan turut menunjukkan bahawa kerjasama antara pihak berkepentingan berlaku pada peringkat operasi program. Antaranya ialah kerjasama dalam proses pemilihan murid seperti yang dijelaskan oleh Informan 1:

"...pemilihan pelajar adalah PITAS... sebab tu kami kerjasama dengan PITAS daripada awal program ni..." (IP1)

Pola ini memperlihatkan bahawa pelaksanaan program memerlukan pembahagian peranan dan penyelarasan antara pihak yang mempunyai autoriti, sumber serta tanggungjawab yang berbeza. Keperluan tersebut dapat dilihat dalam pelaksanaan Program Intervensi Murid Sekolah Tahfiz Swasta oleh KPM yang melibatkan penyelarasan antara Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN), institusi tahfiz dan tenaga pengajar. Program berkenaan juga dilaksanakan melalui tiga pendekatan, iaitu Model SMK Bekok, Model Rakan Strategik KPM dan Model Tuisyen, yang menunjukkan kepelbagaian bentuk kerjasama dalam menyediakan akses akademik kepada murid tahfiz (KPM, 2025).

Selain hubungan dengan agensi kerajaan, dapatan menunjukkan keperluan terhadap jaringan dalam kalangan pengendali program. Jaringan tersebut menyediakan ruang untuk perkongsian pengalaman, penyelarasan kepentingan dan representasi suara pengendali secara kolektif. Data kajian menunjukkan bahawa keperluan terhadap suatu platform bersama timbul apabila isu yang dihadapi tidak dapat ditangani secara berasingan oleh setiap institusi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa Tadbir Urus Kolaboratif bukan sekadar kerjasama sokongan, tetapi merupakan sebahagian daripada mekanisme pelaksanaan Program Pendidikan Alternatif. Punca kuasa memberikan legitimasi kepada pelaksanaan, manakala jaringan antara agensi, institusi, pengendali dan pemegang taruh membolehkan sumber serta tanggungjawab diselaraskan. Dalam konteks program yang melibatkan murid di luar laluan persekolahan konvensional, struktur kolaboratif sedemikian penting bagi menghubungkan autonomi institusi dengan sistem pendidikan dan pihak berkuasa yang lebih luas.

4.5 Kelestarian Program

Dapatan menunjukkan bahawa kelestarian Program Pendidikan Alternatif bukan sekadar bergantung pada keupayaan institusi meneruskan program dari tahun ke tahun, tetapi turut dipengaruhi oleh pengiktirafan dalam sistem pendidikan, keupayaan operasi institusi serta sokongan pemegang taruh. Antara isu yang dikenal pasti ialah kedudukan calon persendirian dalam pengiktirafan kokurikulum melalui Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Informan 4 menjelaskan:

"...kekurangan pada pendaftaran markah PAJSK untuk calon persendirian supaya dia dapat dipertimbangkan oleh pihak KPM..." (IP4)

Isu ini menunjukkan bahawa akses kepada kelayakan SPM sahaja belum semestinya menjamin kesetaraan peluang kepada murid yang mengikuti laluan pendidikan alternatif. Pengiktirafan terhadap komponen pendidikan yang lebih menyeluruh turut penting kerana ia boleh mempengaruhi peluang murid untuk meneruskan pendidikan selepas SPM. Dalam konteks ini, kelestarian program perlu dilihat bukan sahaja daripada perspektif kesinambungan institusi, tetapi juga daripada keupayaan sistem mengiktiraf laluan pendidikan yang dilalui oleh murid.

Dapatan turut menunjukkan bahawa institusi membangunkan keupayaan operasi sendiri bagi menangani kekangan pelaksanaan. Sebagai contoh, Informan 5 menjelaskan usaha mendapatkan kebenaran untuk membuka pusat peperiksaan sendiri:

"...Alhamdulillah lepas Covid kami dah buka pusat sendiri. Kami mohon kebenaran JPN untuk buka pusat di sekolah swasta yang kami sewa sekarang..." (IP5)

Keupayaan institusi menyesuaikan operasi dengan keperluan program menunjukkan bahawa kelestarian turut bergantung pada keupayaan adaptasi pelaksana apabila berhadapan dengan kekangan sistem dan perubahan persekitaran. Hal ini selari dengan Durlak dan DuPre (2008) yang menekankan kepentingan kapasiti organisasi dan kesesuaian konteks dalam menyokong kesinambungan pelaksanaan sesuatu program.

Pada masa yang sama, kelestarian program dipengaruhi oleh komitmen murid dan sokongan pemegang taruh. Informan 3 menggambarkan kematangan murid dalam menghargai peluang pendidikan yang tersedia:

"...mereka dah tahu ini sahaja ruang dan peluang yang ada untuk mereka. Matanglah..." (IP3)

Sokongan daripada pihak luar turut membantu memperkukuh kesinambungan program, termasuk bantuan kepada murid daripada keluarga berpendapatan rendah serta hubungan institusi dengan agensi berkaitan. Dapatan ini mempunyai kaitan dengan Naseri dan Idris (2025) yang mendapati bahawa sebahagian besar ibu bapa dan penjaga peserta Program Trek Pantas SPM memerlukan bantuan kewangan, sekali gus menunjukkan kepentingan mekanisme bantuan, subsidi dan sokongan pembiayaan dalam mengekalkan penyertaan murid.

Justeru, Kelestarian Program merupakan hasil interaksi antara keupayaan institusi menyesuaikan operasi, pengiktirafan sistem terhadap laluan pendidikan alternatif, komitmen murid serta sokongan berterusan daripada pemegang taruh. Kelestarian dalam konteks ini tidak hanya bermaksud memastikan program terus dilaksanakan, tetapi memastikan laluan pendidikan yang disediakan kekal boleh diakses, diiktiraf dan mampu menyokong kesinambungan pendidikan murid tahfiz sepenuh masa.

5. Kesimpulan

Kajian ini meneroka pelaksanaan Program Pendidikan Alternatif bagi murid tahfiz sepenuh masa melalui pengalaman pelaksanaan Program Trek Pantas SPM di Malaysia. Dapatan menghasilkan lima domain utama, iaitu Keperluan Program, Reka Bentuk Program, Kapasiti Pelaksanaan, Tadbir Urus Kolaboratif dan Kelestarian Program. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa penyediaan laluan akademik kepada murid tahfiz bukan sekadar melibatkan akses untuk menduduki peperiksaan SPM, tetapi memerlukan pelaksanaan yang responsif terhadap keperluan murid, disokong oleh reka bentuk pembelajaran yang sesuai, kapasiti institusi, penyelarasan pemegang taruh dan mekanisme yang menyokong kesinambungan program.

Kajian ini memberikan implikasi bahawa pembangunan Program Pendidikan Alternatif bagi murid tahfiz perlu mengambil kira konteks dan keperluan kumpulan sasaran sejak peringkat perancangan sehingga kesinambungan pendidikan selepas program. Penyesuaian pedagogi, tenaga pengajar yang kompeten, sumber kewangan, tadbir urus rentas agensi serta pengiktirafan terhadap laluan pendidikan alternatif merupakan aspek yang perlu diberikan perhatian dalam usaha memperkukuh pelaksanaan program. Dapatan ini dapat menjadi rujukan kepada institusi pendidikan, pengendali program dan agensi berkaitan dalam merancang intervensi pendidikan yang lebih tersusun dan responsif terhadap keperluan murid tahfiz sepenuh masa.

Walau bagaimanapun, kajian ini berasaskan perspektif lima informan utama yang terlibat dalam pelaksanaan Program Trek Pantas SPM dan perlu difahami dalam konteks tersebut. Kajian akan datang boleh memperluas perspektif dengan melibatkan murid, ibu bapa, guru dan pemegang taruh lain serta meneliti pelaksanaan program dalam konteks yang berbeza. Penyelidikan lanjutan juga boleh menilai bagaimana aspek pelaksanaan yang dikenal pasti berfungsi dalam amalan dan mempengaruhi kesinambungan pendidikan murid. Usaha ini penting bagi memperkukuh pembangunan Program Pendidikan Alternatif sebagai laluan pendidikan yang inklusif, berkualiti dan berdaya tahan bagi murid tahfiz sepenuh masa.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Universiti Teknologi Mara. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penghargaan kepada Akademi Lembah Ilmu Sdn Bhd, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi Mara

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan artikel ini dibiayai oleh Akademi Lembah Ilmu Sdn Bhd yang merupakan syarikat milik penulis. Penulis merupakan pengarah urusan di syarikat tersebut.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan

Rujukan

- Abd Rahim, M. A. (2017). Program Fast-Track SPM YAPIS-UNISEL dan kecemerlangan pelajar tahfiz. *Selangor Business Review*, 2(1), 63–72.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). One size fits all? What counts as quality practice in (reflexive) thematic analysis? *Qualitative Research in Psychology*, 18(3), 328–352. <https://doi.org/10.1080/14780887.2020.1769238>
- Durlak, J. A., & DuPre, E. P. (2008). Implementation matters: A review of research on the influence of implementation on program outcomes and the factors affecting implementation. *American Journal of Community Psychology*, 41(3–4), 327–350. <https://doi.org/10.1007/s10464-008-9165-0>
- Kahlke, R. M. (2014). Generic qualitative approaches: Pitfalls and benefits of methodological mixology. *International Journal of Qualitative Methods*, 13(1), 37–52. <https://doi.org/10.1177/160940691401300119>
- Kallio, H., Pietilä, A.-M., Johnson, M., & Kangasniemi, M. (2016). Systematic methodological review: Developing a framework for a qualitative semi-structured interview guide. *Journal of Advanced Nursing*, 72(12), 2954–2965. <https://doi.org/10.1111/jan.13031>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2025). *Program Intervensi Murid Sekolah Tahfiz Swasta*.
- Naseri, R. N. N., & Idris, N. H. (2025). Profiling the demographic and financial readiness of parents and guardians of Tahfiz graduates in Malaysia's Fast Track Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) programme. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(9), 1046–1052. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.90900093>

- Saleh, M. H., Hussin, H., Alias, N., Ahmad, A. M., & Daud, Z. (2025). Huffaz profesional: Peluang dan hala tuju lepasan tahfiz. Dalam *Seminar Kecemerlangan Institusi Tahfiz di Malaysia*. Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia & Iqra' Centre for Ummah, Universiti Sains Islam Malaysia.
- UNESCO. (2015). *Education 2030: Incheon Declaration and Framework for Action for the implementation of Sustainable Development Goal 4*. UNESCO.